

# Dr. M akan terus aktif selepas bersara sebagai ahli biasa


UM 31 AUG 2002

LANGKAWI 2 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau akan terus aktif sebagai peserta biasa dalam dialog perkongsian pintar walaupun selepas bersara sebagai Perdana Menteri dalam masa 15 bulan lagi.

Perdana Menteri berkata, Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) yang diilhamkannya juga akan diteruskan seperti biasa selepas persaraannya.

“Saya akan hadir juga dan saya akan ambil bahagian sebagai ahli biasa.

“LID pula akan diteruskan,” katanya kepada pemberita sebelum memulakan sesi petang Dialog Perkongsian Pintar Global 2002 (Global 2002) yang merangkul LID, Dialog Antarabangsa Selatan Afrika



Laporan

**ASUKI ABAS dan ROSNI HASSAN**

(SAID) dan Dialog Antarabangsa Timur Afrika (EAID) di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata demikian ketika mengulas persaraan para peserta Global 2002 yang mahukan beliau

terus memainkan peranan aktif dalam dialog-dialog perkongsian pintar walaupun selepas persaraannya tahun depan.

Kelmarin, Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan

Industri-Kerajaan Mengendali Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT), Datuk Dr. Ahmad Tasir Lope Pihie berkata, beliau menerima pelbagai komen dan permintaan dari para peserta Global 2002 supaya Dr. Mahathir dapat terus aktif dalam dialog-dialog berkenaan.

Perdana Menteri yang memberikan idea untuk memulakan dialog perkongsian pintar yang pertama pada tahun 1995 merupakan penaung dan penasihat Global 2002.

Menurut Dr. Ahmad Tasir, penyertaan aktif seorang ketua kerajaan dalam perkongsian pintar selepas meletakkan jawatan adalah perkara biasa seperti yang dilakukan oleh bekas Presiden Botswana, Sir Ketumile Masire yang terus menjadi peserta kanan.